



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-HUKMI**

**PANDANGAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN Kaedah Pelaksanaan Ibadah Korban Yang Dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Pengurus Jawatankuasa Agama, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah mengenai Pandangan dan Cadangan Penambahbaikan Kaedah Pelaksanaan Ibadah Korban Yang Dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Antara amalan sunat yang amat dituntut untuk dilakukan pada hari raya korban dan hari-hari tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah) ialah penyembelihan binatang untuk lebih taqarrub kepada Allah ﷺ. Hukumnya adalah sunat ke atas individu muslim yang berkemampuan (ada lebihan makanan dan pakaian untuk dirinya serta mereka di bawah tanggungannya pada malam dan hari raya serta hari-hari Tasyriq).
2. Tidak menjadi kewajiban kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan ibadah korban bagi pihak rakyat kerana keutamaan yang paling utama (الأوليات) bagi pihak kerajaan adalah mendahulukan urusan kebajikan rakyat serta pembangunan negeri keseluruhannya.
3. Namun jika kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakannya maka kerajaan boleh;
  - a. Memberikan binatang yang hendak dijadikan ibadah korban itu melalui ketua-ketua jabatan sebagai 'beri milik' (التمليك) dan melantik mereka sebagai wakil kerajaan,

- b. Ketua-ketua jabatan boleh memilih individu tertentu dalam kalangan kakitangan jabatan berkenaan (beragama Islam) dan menentukan tujuh orang bagi setiap seekor binatang (kecuali kambing),
  - c. Ibadah korban itu berlaku atas nama individu berkenaan dan mereka mempunyai kuasa mutlak untuk meruncit serta mengagihkan daging bahagiannya.
4. Sedikit kesan negatif yang mungkin akan timbul terhadap pelaksanaan konsep ini antaranya perasaan kurang senang dalam kalangan kakitangan yang tidak tersenarai sebagai penerima bahagian korban walaupun kemungkinan mereka juga akan turut menerima manfaat daripada agihan daging korban tersebut.
5. Sekiranya Kerajaan Negeri Kedah bercadang untuk terus cakna menzahirkan nilai rahmat di samping menyemarakkan budaya saling bantu membantu maka disyorkan supaya sumbangan lembu korban dijenamakan semula dengan jenama baharu sebagai "**hadiyah daripada kerajaan**" (bukan sebagai ibadah korban) sempena Aidil Adha kepada seluruh rakyat Negeri Kedah. Sembelihan binatang-binatang itu;
- a. Tidak perlu kepada penentuan nama individu tertentu,
  - b. Boleh dilakukan sembelihan sebelum hari raya dan jika dilakukan pada hari Tasyriq tidak memerlukan niat sebagai korban,
  - c. Boleh diagih kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama.

**TARIKH KEPUTUSAN : 3 JULAI 2020**